

Kemelut Politik Zaman Kesultanan Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis*

Political Crisis in Malay Sultanate as Presented in *Tuhfat al-Nafis*

AMIR RULLAH MOHD NOOR & SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

*Kemelut politik yang berlaku dalam sesebuah kerajaan adalah antara punca utama teretusnya kejatuhan sesebuah kerajaan tersebut. Permasalahan ini wujud, apabila terdapat pihak yang tidak lagi mengikut undang-undang negeri dan tidak lagi memperjuangkan nilai moral dalam diri yang menjadi inti pati penting dalam agama Islam. Kegemilangan yang di kecapi dan diwarisi sebelum ini, begitu mudah dilupakan hanya kerana memenangkan nafsu serakah untuk memperjuangkan matlamat yang tidak pasti. Oleh itu, artikel ini membincangkan kemelut politik dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran pada zaman kesultanan Melayu dengan menumpukan naskhah *Tuhfat al-Nafis* melalui kaedah kepustakaan.*

Kata kunci: *Kemelut; politik; Kesultanan Melayu; Tuhfat al-Nafis*

ABSTRACT

*Political crisis is among contributing reason to the downfall of a government. This problem exists when certain parties do not obey the state law and quit fighting for moral and ethical values that are essential in Islam. The glorious achievement is easily forgotten in order to satisfy one's own need and tend to struggle for an uncertain purpose. This article discusses the political crisis during the ruling and administration of the Malay sultanate as presented in *Tuhfat al-Nafis*.*

Keywords: *Crisis; political; Malay sultanate; Tuhfat al-Nafis*

PENDAHULUAN

Definisi politik menurut Firdaus Haji Abdullah (1985: 1) merupakan sebarang kegiatan yang mempunyai hubungan dengan pengambilan keputusan mengenai pembahagian sumber-sumber, ganjaran serta keputusan mengenai cara-cara mengatur hidup bermasyarakat. Definisi ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan K. Ramanathan (1988: 302) menyatakan bahawa politik merupakan satu proses yang melambangkan gelagat manusia yang mengandungi konflik di antara kebaikan di sebelah pihak dan kehendak-kehendak kumpulan di pihak yang lain yang diperlukan atau diselesaikan dan kerap kali membabitkan penggunaan atau perebutan kuasa. Menurut Jeniri Amir (2005: 4), dalam percubaan mendapat atau perebutan kuasa dan pengaruh ini, ianya melibatkan pelbagai kelompok pelaku politik dan sering berlaku konflik serta pertentangan idea, ideologi, malah fizikal juga turut terlibat. Justeru, perbezaan antara individu dengan individu lain atau antara kumpulan lain telah menjadi punca kepada berlakunya kemelut politik. Kerakusan nafsu yang tiada

sempadan untuk mendapatkan kuasa merupakan kecenderungan umum manusia untuk mewujudkan sesuatu kemelut atau permasalahan (Alan R. Ball 1993: 5). Permasalahan yang diwujudkan itu kadang kala membawa kepada kematian. Kuasa yang berakhir dengan kematian ini memungkinkan seseorang pemerintah itu sanggup mempertahankan dan memperjuangkan takhtanya daripada dirampas oleh musuhnya sendiri seperti mana pendapat Haron Daud (1989: 97) raja memerlukan negeri untuk menegakkan kerajaan. Hal ini kerana, raja seharusnya mempertahankan negeri yang ditadbirnya daripada ancaman atau serangan kuasa luar. Malah, raja dan negeri dianggap seolah-olah sesuatu yang sebatu antara kedua-duanya kerana menurut adat Melayu, apabila negeri kalah, raja mati. Hal ini dimaksudkan, seseorang raja itu perlu mempertahankan negeri yang ditadbirnya sehingga sanggup mengorbankan nyawa baginda sendiri.

Justeru, kegiatan politik sememangnya tidak lari daripada kemelut dan pertentangan yang berlaku di dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan tersebut. Menurut Aruna Gopinath (1993: 65) kehilangan kuasa autonomi

seorang pemerintah boleh berlaku apabila wujudnya pertelingkahan dalam kalangan pembesar antara satu dengan yang lain, sikap pemerintah yang terlalu bergantung pada penasihat utama dan kepimpinan politik yang secara amnya sangat lemah. Pada pengakhirannya, kemelut yang berlaku dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran membawa kepada campur tangan orang asing dalam sistem politik tersebut.

LATAR BELAKANG NASKHAH *TUHFAT AL-NAFIS*

Naskhah *Tuhfat al-Nafis* merupakan hasil karya asal oleh Raja Ali Haji dari Pulau Penyengat, Riau. Menurut Noriah Taslim (2009: 59), *Tuhfat al-Nafis* ini ditulis dalam lingkungan tahun 1866-1872 di Istana Riau, beberapa tahun selepas Sultan Mahmud ke-IV disingkirkan dari istana Lingga oleh Belanda (1857), setelah menyaksikan kelemahan dalam pemerintahan sultan tersebut. Dalam naskhah ini, Istana Riau menjadi perkampungan bagi cendekiawan Bugis yang warak dan komited kepada agama Islam. Islam menjadi agenda utama dalam pentadbiran Bugis di Riau pada zaman ini dan segala keperihalan tentang Islam menjadi tema dasar dalam penulisan keluarga bangsawan Bugis. Hasil penelitian daripada naskhah ini, didapati bahawa terdapat sedikit sahaja unsur-unsur bersifat mitos dan khayalan kerana naskhah ini lebih mementingkan kebenaran daripada kepalsuan. Dalam erti kata lain, pemikiran politik yang kuat mengawal proses kreatif Raja Ali Haji. Karya ini dicernakan secara langsung daripada pemikiran tersebut dan Raja Ali Haji juga seorang yang mengetahui tentang hal-ehwal yang diceritakan sambil menghuraikan pandangan dengan terus-terang. Menurut Ali Ahmad (2005: 24) kandungan isi naskhah ini lebih banyak menekankan kepada pemerintahan kerajaan Johor-Riau sejak Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda (puteri Bugis bergelar Kelana Jaya Putera) hinggalah kepada campur tangan Belanda pada ketika pemerintahan Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah. Dilihat kedaulatan yang ada pada raja-raja terdahulu, seolah-olah tidak kuat untuk mempertahankan kedudukan baginda kerana cabaran oleh raja-raja lain yang penuh dengan cita-cita mengejar dan merampas akan kedaulatan pemerintahan itu. Justeru, artikel ini akan membincangkan kemelut politik dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran pada zaman

kesultanan Melayu dengan menumpukan naskhah *Tuhfat al-Nafis* melalui kaedah kepustakaan. Antara kemelut politik yang dikenal pasti dan akan dianalisis berdasarkan naskhah ini adalah seperti berikut:

1. Keruntuhan Akhlak Pemerintah
2. Perebutan Kuasa Pemerintahan
3. Perang Saudara
4. Perlanggaran Wasiat Keturunan
5. Penyebaran Fitnah

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Aruna Gopinath (1993: 66) menyatakan bahawa munculnya kemelut dalam sesebuah sistem politik ini boleh melemahkan sistem pemerintahan dan pentadbiran, bahkan implikasinya cukup besar sehingga ianya boleh meruntuhkan sesebuah pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan itu. Bagi memperkukuhkan kenyataan ini, ianya akan dianalisis berdasarkan elemen-elemen seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini:

KERUNTUHAN AKHLAK PEMERINTAH

Dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis*, pengarang menceritakan tentang keruntuhan akhlak pemerintah ketika seseorang sultan itu memegang tampuk pemerintahan. Keruntuhan akhlak ini boleh berlaku, apabila seorang raja tidak berlaku adil dalam melaksanakan hukuman dan menggunakan kuasa yang dimilikinya dengan sewenang-wenangnya dengan menurut hawa nafsu sehingga menimbulkan kemelut dalam politik. Kenyataan ini disokong dengan pandangan Muhd. Yusof Ibrahim (1994: 79) yang menyatakan bahawa kemelut tercetus akibat daripada adanya kuasa mutlak di tangan pihak pemerintah. Hal ini menyebabkan timbulnya ketidakadilan dalam pelaksanaan hukuman dan memerintah mengikut hawa nafsu sahaja kerana kuasa yang dimilikinya tidak dikawal dengan baik. Malahan, golongan ini mempunyai kekebalan kuasa yang sangat kuat. Kekuatan ini boleh dilihat melalui perlaksanaan daripada sudut politik, ekonomi mahupun daripada sudut sosial masyarakat tradisional Melayu ketika itu yang boleh dilihat menerusi peristiwa yang berlaku dalam petikan di bawah ini:

Maka apabila baginda itu bangun daripada beradu itu, maka ia pun hendak santaplah akan angka itu, lalu dipersembahkan oleh penghulu istana itu kepada baginda. Maka kata penghulu

istana kepada baginda “Ada yang tidak baik tadi, patik berikan kepada bini Megat Seri Rama daripada terbuang sahaja”. Apabila ia mendengar sembah penghulu istana itu maka baginda pun murkalah, lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, lalu dibelahnya perutnya, dikeluarkannya anaknya dari dalam perutnya itu. Maka matilah bini Megat Seri Rama itu (Hooker 1991: 175).

Pengarang naskah ini memperlihatkan sifat keruntuhan akhlak seorang pemerintah iaitu Sultan Mahmud. Baginda telah menjatuhkan hukuman dengan tidak adil sebagai seorang pemerintah iaitu dengan membelah perut isteri Megat Seri Rama. Hal ini berlaku kerana, isteri Megat Seri Rama ketika itu sarat mengandung dan beliau mengidam untuk memakan seulas nangka. Secara kebetulan, Penghulu Istana ingin mempersembahkan buah nangka kepada Sultan Mahmud. Isteri Megat Seri Rama terlihat buah nangka yang dibawa oleh Penghulu Istana tersebut. Lantaran itu, beliau meminta untuk makan seulas daripadanya, lalu diberi oleh Penghulu Istana itu seulas nangka kepada isteri Megat Seri Rama dan dimakannya. Setelah niat isteri Megat Seri Rama itu tercapai, beliau pulang ke rumahnya. Tidak beberapa lama kemudian, Penghulu Istana mempersembahkan buah nangka tersebut kepada baginda dan diceritakan oleh Penghulu Istana seperti mana petikan di atas dan menyebabkan baginda murka. Baginda menitahkan memanggil isteri Megat Seri Rama, setelah sampai ke dalam istana, baginda mengambil tindakan membelah perut isteri Megat Seri Rama dengan mengeluarkan anak dalam kandungan itu tanpa usul budi bicara terlebih dahulu. Megat Seri Rama merupakan seorang hulubalang yang sangat taat setia dan kuat kuasanya kepada Sultan Mahmud. Namun, baginda tidak mempertimbangkan semua hal sedemikian itu kerana menurut hawa nafsu amarah baginda. Peristiwa ini merupakan satu tindakan melanggar prinsip keadilan dalam Islam kerana melakukan pembunuhan tanpa hak. Menurut Abdul Basir Alias (2002: 43) prinsip keadilan atau dalam erti kata bahasa Arab disebut *al-Adalah*. Prinsip ini adalah bertujuan untuk mewujudkan keharmonian hubungan di antara pemerintah dengan rakyat dan seorang pemimpin atau khalifah yang dipilih bertanggungjawab melaksanakan perintah Allah SWT dalam memimpin ummah daripada sudut keagamaan dan keduniaan. Namun, pemerintah yang melanggar prinsip ini menyebabkan istilah daulat baginda tergadai dan kemungkinan kedudukan akan tergugat. Hal ini jelas pada pengakhiran peristiwa ini, kedaulatan Sultan Mahmud tergadai

kerana Megat Seri Rama menyimpan dendam dan mahu menuntut bela di atas kematian isterinya yang dibunuh. Beliau telah memaklumkan kepada Datuk Bendahara terlebih dahulu ingin menuntut bela atas kematian isterinya. Datuk Bendahara muafakat dan berbincang tentang hal ini bersama saudaranya iaitu Temenggung dan Indera Bongsu. Setelah perbincangan selesai, akhirnya dipersetujui oleh Datuk Bendahara dan saudara-saudaranya itu kerana Megat Seri Rama sangat berpengaruh. Namun, jika pihaknya tidak membenarkan Megat Seri Rama membunuh Sultan Mahmud sekalipun, Datuk Bendahara beranggapan bahawa pihaknya akan menerima nasib yang sama seperti mana isteri Megat Seri Rama dan kemungkinan besar selepas kemangkatan Sultan Mahmud, Datuk Bendahara akan menjadi raja.

Jikalau Datuk Bendahara hendak menjadi raja, inilah ketikanya. Yang diperhamba hendak menderhakalah, tidak boleh tidak. Syahadan adalah Megat Seri Rama itu satu daripada hulubalang yang kebal, banyak anak buahnya, serta kuat kuasanya. Maka Datuk Bendahara pun musyawaralah dengan saudaranya Temenggung, dan Indera Bongsu, pada maksud (Megat Seri Rama itu. Bersatulah sekalian mereka itu pada membenarkan Megat Seri Rama itu kerana segala orang besar-besar di dalam negeri itu pun banyak juga yang suka akan bendahara itu menjadi raja), kerana kata orang besar-besar itu, “ini baharu Megat Seri Rama kena begitu halnya, akhir-akhirnya kita semua pula nanti diperbuatnya begitu juga (Hooker 1991: 176).

Setelah dipersetujui oleh Datuk Bendahara dan saudara-saudaranya mengenai pandangan dan tindakan yang akan dilakukannya itu, Megat Seri Rama terus bertindak membalas dendam dengan membunuh (memarang) Sultan Mahmud ketika baginda berada di atas julang semasa hendak pergi menunaikan solat Jumaat. Namun, Megat Seri Rama juga turut terkorban muntah darah akibat sempat dilontar keris oleh baginda dan digelar oranglah, Sultan Mahmud mangkat dijulang. Peristiwa ini juga boleh dikaitkan dengan kesan waadat. Menurut Noriah Taslim (2013: 10) yang menyatakan bahawa berlakunya konflik akibat percanggahan antara keluhuran dan keingkaran terhadap objektif waadat yang melibatkan dua kelas masyarakat iaitu pemerintah dengan rakyat. Hal ini berlaku kerana, perjanjian atau waadat telah dilanggar oleh salah satu pihak dan akhirnya berlaku keingkaran terhadap perjanjian yang di termeterai antara dua pihak tersebut sehingga mengundang kepada ketidakpuasan hati secara berterusan dan diakhiri dengan konflik antara kedua-dua pihak. Kesannya, apabila seseorang pemerintah itu melanggar hak pemerintahnya dengan menurut hawa nafsu,

kedudukan dan kuasanya akan ditentang oleh seorang rakyat sahaja dan tidak menonjolkan sifat derhaka kepada sultan itu. Justeru, pengarang cuba mengubah persepsi rakyat terhadap kedaulatan raja Melayu dan konsep derhaka itu sendiri. Menurut Noriah Taslim (2009: 29) beranggapan bahawa persepsi ini penting bagi membolehkan penerimaan orang Melayu terhadap pembunuhan Sultan Mahmud oleh Megat Seri Rama. Dilihat daripada peristiwa ini juga, pengarang tidak menyatakan sama ada seorang raja itu mempunyai *ulama'* sebagai penasihat kepada pelaksanaan pemerintahan baginda. Seandainya golongan *ulama'* yang ada ketika ini sebagai penasihat kepada raja, sudah tentu perkara sedemikian tidak berlaku kerana keberkesanan kuasa menegakkan keadilan dan kebenaran untuk menjamin kebahagiaan rakyat tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama antara *ulama'*. Menurut Imam al-Ghazali di dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* yang dipetik oleh Abdul Aziz al-Badri (1988), rakyat akan mengalami kerosakan, sekiranya pemerintah rosak dan pemerintahan akan rosak, seandainya pemerintah rosak dan pemerintah akan rosak jikalau *ulama'* rosak. Jelaslah, peranan golongan *ulama'* menjadi satu kepentingan dalam sesebuah pemerintahan negara dan tidak akan memberi implikasi yang buruk seperti mana peristiwa tersebut.

PEREBUTAN KUASA PEMERINTAHAN

Perebutan kuasa merupakan satu kemelut dalaman yang sering kali wujud dalam sistem pemerintahan. Menurut Mohammad Isa Othman (1990: 16) kemelut ini akan berlaku, apabila kerabat-kerabat diraja mempunyai cita-cita politik. Cita-cita politik dimaksudkan sebagai satu angan untuk memegang tampuk pemerintahan dan pentadbiran dalam sebuah kerajaan. Dengan itu, berlakunya perebutan kuasa antara pihak tersebut dan pemerintah yang mengikut legitimasi akan cuba mempertahankan haknya. Elemen ini terbukti daripada peristiwa perebutan kuasa antara Yamtuan Raja Ismail dengan Raja Alam dalam kerajaan Siak setelah kemangkatan Sultan Mahmud Syah sebagaimana diceritakan oleh pengarang dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis*. Sebelum berlakunya perebutan kuasa antara kedua-dua raja ini, peristiwa perebutan kuasa pertama dalam kerajaan Siak telah berlaku di antara Raja Alam dengan Sultan Mahmud Syah. Dalam peristiwa perebutan kuasa ini, Raja Alam

mengalami kekalahan disebabkan Sultan Mahmud Syah mendapat bantuan daripada Sultan Sulaiman pada ketika itu seperti mana berikut:

Permulaan perangnya apabila Raja Kecil sudah mati, maka alahlah pula saudaranya Sultan Mahmud itu membawa diri ke Riau kepada Sultan Sulaiman kerana Sultan Sulaiman itu ayahanda saudaranya minta tolong. Maka ditolong oleh Sultan Sulaiman maka alah pula Raja Alam itu keluar mengembara segenap negeri orang hingga sampai ke Mantan. Syahadan apabila sudah mangkat saudaranya iaitu Sultan Mahmud Syah maka menggantikan kerajaannya anaknya pula, iaitu Yamtuan Raja Ismail (Hooker 1991: 148).

Hasil daripada pertolongan Sultan Sulaiman, kemenangan berpihak kepada Sultan Mahmud Syah, dan Raja Alam terpaksa keluar mengembara ke seluruh negeri sehinggalah ke Mantan. Apabila Raja Alam sampai ke Mantan, baginda mengetahui saudaranya itu telah mangkat dan digantikan dengan anak saudara baginda iaitu Yamtuan Raja Ismail. Raja Alam kemudian cuba bertindak sekali merebut kembali takhta pemerintahan Siak dengan melancarkan serangan. Tindakan baginda melakukan sedemikian kerana baginda beranggapan bahawa, wujud kemungkinan akan beroleh kemenangan. Dengan itu, baginda cuba mendapatkan bantuan daripada Belanda Melaka seperti mana petikan dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis* ini:

Syahadan apabila sudah mangkat saudaranya iaitu Sultan Mahmud Syah maka menggantikan kerajaannya anaknya pula, iaitu Yamtuan Raja Ismail. Maka apabila didengar oleh Raja Alam anak saudaranya itu menjadi raja, maka datanglah Raja Alam itu bersama-sama Belanda Melaka melanggar Siak itu (Hooker 1991: 148).

Holanda Melaka bersetuju memberi bantuan kepada Raja Alam. Dengan kekuatan bantuan Belanda Melaka dan orang-orang suruhan Raja Alam yang sedia ada, baginda akhirnya berjaya merebut kuasa dan takhta kerajaan Siak. Yamtuan Raja Ismail kalah dalam mempertahankan takhtanya dan keluar dari negeri Siak. Peristiwa yang dikaitkan ini disokong dengan pandangan Mohammad Isa Othman (1990: 2) berpendapat bahawa dalam pertelagahan merebut takhta pemerintahan, ia sering kali berlaku antara ahli keluarga masing-masing. Pada klimaks peristiwa ini, Yamtuan Raja Ismail terpaksa menyelamatkan diri dan mencari kuasa baru dengan mengembara kesemua negeri seperti Palembang, Siantan, Mempawah, dan negeri Terengganu.

Maka datanglah Raja Alam itu bersama-sama Belanda Melaka melanggar Siak itu. Maka Yamtuan Raja Ismail pun alahlah pula, keluarlah ia dari negeri Siak mengembara segenap negeri-

negeri orang ke Palembang dan ke Siantan dan ke Mempawah, dan ke Terengganu mencari kuasa. Adapun negeri Siak Raja Alamah menjadi raja di situ dan anaknya Yamtuan Muda Muhammad Ali menjadi Yamtuan Muda pula (Hooker 1991: 148).

Setelah Yamtuan Raja Ismail gagal dalam mempertahankan takhta baginda, baginda telah mengambil satu tindakan yang bijak dengan mengembara keluar ke negeri lain untuk mendapatkan suaka politik yang baru. Hal ini disokong dengan pandangan Mohammad Isa Othman (1990: 16) lagi yang menyatakan bahawa calon yang tersingkir pula akan pasti terpaksa menghadapi berbagai-bagai kemungkinan, sama ada mencari suaka politik di mana-mana atau terpaksa berjuang terus menghadapi pemerintah. Setelah Yamtuan Raja Ismail memperoleh suaka politik yang baru, baginda tidak hanya berdiam diri dengan melepaskan negeri Siak yang dirampas oleh bapa saudaranya begitu sahaja. Baginda telah memperoleh perkhbarannya bahawa Raja Alam mangkat setelah beberapa tahun merampas negeri Siak daripada tangan baginda seperti mana berikut ini:

Syahadan lamanya maka mangkatlah Yang Dipertuan Raja Alam itu di dalam negeri Siak adanya. Syahadan kata sahib al-hikayat apabila Yang Dipertuan Raja Ismail mendengar khabar ayah saudaranya sudah hilang itu, maka ia pun datang pula ke Siak melanggar Siak. Maka alahlah pula Siak itu dan Yamtuan Raja Ismailah kerajaan di Siak (Hooker 1991: 149).

Lantaran itu, Yamtuan Muda Ismail terus melanggar negeri Siak daripada golongan Raja Alam dan akhirnya, Yamtuan Raja Ismail berjaya merampas kembali takhtanya di negeri Siak itu. Perebutan kuasa ini tersuratnya kepada perang saudara yang akan dibincangkan dalam elemen seterusnya.

PERANG SAUDARA

Perang saudara merupakan salah satu faktor tercetusnya kemelut dalam politik pada zaman kesultanan Melayu ketika ini dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis*. Menurut Wan Shamsudin Mohd Yusof (2008: 3) berlakunya peristiwa perang saudara disebabkan wujud tindakan mencabar kuasa dan autoriti sultan. Elemen ini tidak akan membicarakan peristiwa perang saudara antara Yamtuan Muda Ismail dengan Raja Alam dalam kerajaan Siak. Namun, elemen ini akan dikaitkan dengan satu peristiwa lain yang lebih penting yang terdapat dalam naskhah iaitu cabaran kuasa dalam kerajaan

Kedah antara Raja Kedah Tua dengan Raja Kedah Muda. Akibat daripada permasalahan ini, timbullah perang saudara antara kedua-dua pihak tersebut. Sebelum peperangan berlaku, Raja Kedah Tua ingin memperoleh bantuan daripada Opu-Opu. Hal ini disokong dengan pandangan Salmah Jan Noor Muhammad (2014: 101) menyatakan bahawa Raja Kedah Tua telah memohon bantuan daripada Opu Dahing Parani untuk memerangi saudaranya yang muda kerana telah mengambil takhta kerajaan yang sepatutnya menjadi milik baginda seperti mana kisah di bawah:

Di dalam hal itu maka datanglah surat daripada raja Kedah kepada Opu Dahing Parani hendak minta bantu kerana ia diambil oleh saudaranya yang muda kerajaannya, pada patutnya ialah yang menjadi raja kerana ia yang tua. Syahadan maka dibalaslah oleh Opu Dahing Parani surat raja Kedah itu mengatakan yang ia bertanggung hendak balik ke Riau, bermesyuarah dahulu dengan segala saudaranya serta baginda Sultan Sulaiman (Hooker 1991: 218).

Daripada petikan ini, Raja Kedah Tua telah mengutus satu surat kepada Opu Dahing Parani. Dalam utusan tersebut, baginda menginginkan bantuan daripada Opu Dahing Parani untuk menentang Raja Kedah Muda. Setelah Opu Dahing Parani membaca surat tersebut, beliau memberi jawapan kembali kepada Raja Kedah Tua bahawa beliau perlu memaklumkan kepada Sultan Sulaiman yang berada di Riau terlebih dahulu. Beliau juga perlu bermesyuarat dengan Opu Dahing Cellak, dan paduka adinda kedua Yang Dipertuan Muda dengan meminta persetujuan daripada pihak tersebut. Apabila kesemuanya bersetuju, barulah Opu Dahing Parani berlayar dan memberi pertolongan kepada Raja Kedah Tua itu. Sebelum memberi pertolongan tersebut, Opu Dahing Parani terlebih dahulu bertindak mengumpulkan orang-orang Bugis yang sedia ada di dalam negeri Kedah untuk melihat kesetiaan pihak tersebut kepada Raja Kedah Tua dan pihak Opu-Opu menerusi penceritaan dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis* ini:

Syahadan maka opu-opu itu mengumpulkan segala Bugis-Bugis yang sedia ada memang di dalam Kedah lalu diperiksanya, "Sebelah mana dirimu semua ini, jika aku berperang dengan raja Kedah yang muda itu kelak?" Maka jawab mereka itu, "Adapun yang patik semua ini tiadalah tuan patik semua yang lain, melainkan tuankulah adik-beradik". Maka jawab opu-opu itu, "Baiklah nanti aku hendak melantik raja Kedah yang tua dahulu menjadi Yang Dipertuan Kedah" (Hooker 1991: 219).

Berdasarkan petikan yang dinyatakan, Opu Dahing Parani telah mengambil satu tindakan yang bijak dengan mengumpulkan semua orang-orang

Bugis yang berada di dalam negeri Kedah untuk memperoleh jawapan tersebut. Ternyata, orang-orang Bugis berpihak dan taat setia kepada Raja Kedah Tua dan opu-opu ini dan tiada seorang pun daripada pihak Bugis yang menentang pemerintah. Setelah melihat persetujuan dan pandangan orang-orang Bugis berpihak kepada Raja Kedah Tua, Opu-opu ini melantik Raja Kedah Tua sebagai Yang Dipertuan Kedah yang sah. Ekoran daripada peristiwa tersebut, ia berlanjutan kepada peperangan seterusnya ini:

Syahadan kata sahib al-hikayat apabila raja Kedah Yang Muda itu mendengar saudaranya (yang tua) itu dilantik oleh Yang Dipertuan Muda Riau serta opu-opu raja Bugis, maka ia pun sangatlah marahnya. Maka lalulah ia mengumpulkan hulubalang menteri-nya serta beberapa rakyat tenteranya. Apakala sudah kumpul, lalulah ia pergi melanggar kota raja Kedah yang tuanya itu maka lalulah berperang besar dengan Yang Dipertua Muda Riau serta saudaranya. Maka sangatlah ramainya sebelah-menyebelah, dengan gegak gempitanya daripada bunyi meriam senapang, dan bunyi bahana sorak tempitnya (Hooker 1991: 219).

Daripada peristiwa tersebut, pengarang *Tuhfat al-Nafis* menceritakan peristiwa perang saudara yang berlaku antara Raja Kedah Muda dengan Raja Kedah Tua. Peperangan ini tercetus akibat daripada perlantikan Raja Kedah Tua oleh Yang Dipertuan Muda Riau serta opu-opu raja Bugis. Tindakan ini telah menyebabkan Raja Kedah Muda tidak berpuas hati dan marah kerana baginda telah memerintah negeri Kedah hasil daripada rampasan takhta pemerintahan Raja Kedah Tua sebelum ini. Lantaran itu, baginda telah membuat keputusan dan mengambil tindakan menentang saudaranya. Penentangan itu dilakukan dengan cara mengumpulkan dan melibatkan hulubalang, menteri-menteri serta beberapa orang tenteranya dalam konflik perang saudara kedua-dua raja ini. Perkara ini akan menyeret pula pembesar-pembesar untuk memihak kepada calon-calon tertentu untuk menjaga kepentingan mereka. Hal ini seperti mana pendapat Aruna Gopinath (1993: 65) bahawa perang saudara dianggap sebagai faktor penting yang membangkitkan perselisihan faham dalam kalangan ahli kelas pemerintah dan pembesar. Peperangan yang wujud ini secara tidak langsung menanam bibit-bibit konflik dalam kalangan pembesar-pembesar yang terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang menyokong pemerintah dan golongan yang menentang pemerintah. Jelas dilihat, Raja Kedah Muda juga mempunyai sokongan daripada menteri-menteri dan hulubalang sehingga berpihak kepada

baginda hasil daripada rampasan kuasa baginda sebelum ini di Kedah. Peperangan yang dilancarkan oleh Raja Kedah Muda tersebut, satu tindakan mencabar kuasa dan autoriti Raja Kedah Tua yang benar-benar berhak memegang tampuk pemerintahan kerana ianya sudah dilantik oleh Yang Dipertuan Muda Riau dan Opu-opu raja Bugis ketika itu. Walaupun tindakan Raja Kedah Muda menyerang saudaranya itu, namun baginda tidak berjaya dan akhirnya tewas dalam peperangan tersebut setelah berbulan-bulan lamanya di medan peperangan dan ramai panglima-panglima baginda terkorban.

Maka pecalah perang pihak sebelah raja Kedah yang mudanya, tewaslah ia kerana banyak panglimanya mati terkerat kepalanya. Maka alahlah ia, lalulah ia undur dari dalam Kedah membawa dirinya kepada tempat yang jauh. Syahadan orang-orang Bugis serta orang-orang Riau pun masuklah ke dalam perdalaman Yang Dipertuan Kedah yang mudanya itu (Hooker 1991: 219).

Setelah kemenangan berpihak kepada Raja Kedah Tua, Raja Kedah Muda bertindak berundur daripada peperangan tersebut dan lari ke tempat yang jauh. Daripada perkaitan peristiwa perang saudara ini, pengarang cuba menyampaikan satu mesej tentang seorang raja iaitu Raja Kedah Tua sangat mementingkan kedudukan takhtanya daripada dirampas oleh mana-mana pihak termasuk saudaranya sendiri walaupun baginda terpaksa mendapatkan bantuan daripada kuasa lain. Menurut Haron Daud (1989: 97) berpendapat bahawa seorang raja memerlukan negeri untuk menegakkan kerajaan. Sehubungan dengan itu, raja harus mempertahankan negeri daripada ancaman atau serangan kuasa luar. Raja dan negeri seolah-olah sesuatu yang sehati kerana menurut adatnya, negeri kalah raja mati. Hal ini menggambarkan Raja Kedah Tua mesti mempertahankan negeri hingga ke titisan darah yang terakhir, jika ia diserang, demi mengekalkan kerajaannya di Kedah.

PERLANGGARAN WASIAT KETURUNAN

Elemen seterusnya, perlanggaran wasiat keturunan. Perlanggaran wasiat ini akan berlaku, apabila seseorang pemerintah mempunyai ramai putera raja. Ekoran daripada itu, sebahagian daripadanya ingin menjadi penyandang utama takhta pemerintahan walaupun putera sulung adalah pewaris takhta yang sah. Apabila berlakunya keadaan sedemikian, ada di antara putera-putera tersebut akan bangkit mencabar legitimasi. Hal ini berlaku kerana, putera tersebut merasakan diri beliau lebih layak memegang tampuk

pemerintahan daripada yang dilantik melalui kaedah legitimasi. Menurut Tun Suzana Tun Othman (2002: 48) menyatakan bahawa, mengikut adat Raja-Raja Melayu, apabila mangkat seseorang sultan dalam sesebuah kerajaan, putera sulung dan putera gahara Al-Marhum itulah yang menggantikan Al-Marhum ayahandanya. Malahan, syarat penabalan itu mestilah dipersetujui oleh orang-orang kebesaran istana. Namun berlaku sebaliknya, daripada peristiwa yang berlaku dalam kerajaan Matan dalam naskhah ini, ianya membawa kepada pelanggaran wasiat keturunan mengikut adat Raja-Raja Melayu seperti dinyatakan ini:

Alkisah maka tersebutlah perkataan raja-raja sebelah Matan, iaitu seorang anak Sultan Muhammad Safi al-Din namanya Pangeran Agung. Maka apabila (sudah) mangkat Sultan Muhammad Safi al-Din itu, maka menggantikanlah kerajaannya iaitu anaknya yang tua bergelarlal ia Sultan Muhammad Zain al-Din. Syahadan adapun saudaranya yang bernama Pangeran Agung (itu) sangatlah tamaknya hendak menjadi raja (di dalam negeri Matan itu). Maka tiadalah sabar akan perhiasan dunia ini. Maka apabila sampailah syaratnya dan kuasanya maka lalu dirampasnya kerajaan saudaranya itu, (dilanggarnya perdalaman saudaranya) itu pada ketika malam-malam hari (Hooker 1991: 192).

Hasil daripada petikan tersebut, pengarang naskhah ini menceritakan suatu peristiwa kemelut yang berlaku dalam kerajaan Matan antara Sultan Muhammad Zain al-Din dengan saudaranya Pangeran Agung dalam menduduki takhta sehingga membawa kepada peperangan. Pangeran Agung merupakan adik kepada Sultan Muhammad Zain al-Din. Sultan Muhammad Zain al-Din pula, pewaris takhta pemerintahan setelah kemangkatan ayahandanya iaitu Sultan Muhammad Safi al-Din. Sejurus sahaja Sultan Muhammad Zain al-Din ditabalkan menjadi raja di negeri Matan, Pangeran Agung terus bertindak melanggar pedalaman saudaranya itu dan merampas takhta kerajaan negeri Matan. Peristiwa ini dinyatakan seperti pandangan Mohammad Isa Othman (1990: 2) beranggapan bahawa dalam keluarga besar masyarakat melibatkan kuasa baka, akan wujud pertelingkahan. Walaupun kedudukan seseorang bakal pengganti pemerintah selepas kemangkatan sultan yang terdahulu, kemudiannya diganti oleh anakanda sulung yang sah, namun masih timbul pertelingkahan dalam wasiat keturunan untuk menduduki takhta oleh saudara-saudara yang lain. Setelah berlakunya pelanggaran wasiat pemerintahan tersebut, Sultan Muhammad Zain al-Din dan anak isterinya terpaksa melarikan diri ke negeri Banjar untuk mendapatkan bantuan seperti mana petikan di bawah:

Sultan Muhammad Zain al-Din, lalu keluar daripada negeri dengan anak isterinya membawa dirinya ke negeri Banjar, minta bantu kepada Sultan Banjar pada mengambil kerajaannya itu kembali semula kepada tangan adiknya Pangeran Agung itu. Maka dibantunya oleh Sultan Banjar disuruhkannya orang-orang Banjar, Sampit, dan Mendawai, dan Kota Ringin. Maka pergilah Sultan Muhammad Zain al-Din melanggar, dan segala anak isterinya ditinggalkannya di dalam negeri Banjar (Hooker 1991: 192).

Setelah Sultan Muhammad Zain al-Din mendapat bantuan daripada orang-orang Banjar, Sampit, Mendawai, dan Kota Ringin. Baginda meneruskan kembali peperangan antara saudaranya itu. Namun, baginda tidak berjaya mengalahkan kekuatan orang-orang Pangeran Agung kerana seorang panglima perang raja Banjar iaitu Panglima Pantas terbunuh dalam peperangan tersebut dan Sultan Muhammad Zain al-Din terkeping dalam masjid Matan seperti mana peristiwa ini:

Maka ia pun pergilah ke Matan bersama-sama dengan orang Sultan Banjar itu dan seorang Panglima perang raja Banjar itu yang bernama Panglima Pantas. Maka apabila tiba lalu perang, dengan takdir Allah Subhanahu Wa ta'ala Panglima Pantas pun matilah di dalam peperangan itu. (maka apabila orang Mendawai dan Sampit dan Kota Ringin melihat kepala perangnya itu sudah mati), maka semua orang pun larilah. Maka tinggallah Sultan Muhammad Zain al-Din terkeping di dalam Matan. Maka Sultan Muhammad Zain al-Din pun masuk ke dalam masjid, lalu dikuncinya pintu masjid itu (Hooker 1991: 192).

Daripada petikan ini, Sultan Muhammad Zain al-Din bertindak merampas kembali takhta baginda daripada Pangeran Agung dan melancarkan peperangan ke atas negeri Matan. Hal ini berlaku kerana, takhta baginda itu dianggap satu wasiat legitimasi. Oleh itu, baginda perlu mendapatkan kembali negeri Matan walaupun dengan memohon campur tangan pihak lain. Hal ini disokong dengan pandangan Abdul Rashid Abdul Latif (1986: 14) wasiat merupakan pemberian atau sumbangan harta oleh seseorang kepada orang atau pihak lain setelah pewasiat itu meninggal dunia sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak. Manakala, wasiat menurut Siti Hajar Che Man (2005: 103) merupakan pesanan, keinginan, atau kehendak yang paling akhir daripada seseorang yang hampir meninggal dunia. Wasiat tidak hanya berkaitan dengan peninggalan harta benda tetapi juga meliputi ucapan kata-kata amanat dan nasihat yang diberikan kepada waris untuk memusakai atau mengamalkannya. Justeru, wasiat merupakan satu perjanjian atau sumpah yang rasmi sifatnya, khusus dalam tradisi sistem istana kesultanan Melayu masa lalu. Orang yang

menerima wasiat harus sebaik mungkin mengotakan janji atau sumpah yang telah dibuatnya. Jelas, tindakan Pangeran Agung ini adalah tindakan yang salah dan bercanggah dengan ajaran Islam kerana menurut Ali Ahmad (2005: 18) penurunan wasiat daripada bapa kepada anak dan khususnya bagi seorang pemerintah kepada bakal raja, pegawai dan rakyatnya suatu yang penting ditekankan dalam ajaran Islam. Malahan, melanggar wasiat ini ibarat melanggar dan memungkirkan janji atau sumpah yang telah dibuat. Justeru, berlakunya pelanggaran wasiat ini bermakna, ianya telah mencemarkan keikhlasan dan kejujuran orang yang menyampaikan wasiat tersebut iaitu ayahanda baginda sendiri iaitu Sultan Muhammad Safi al-Din kepada putera sulungnya iaitu Sultan Muhammad Zain al-Din.

PENYEBARAN FITNAH

Elemen ini merupakan titik fokus salah satu pembawa kepada teretusnya permasalahan kemelut dalam politik pada zaman kesultanan Melayu. Menurut Mohd Safar Hasim (2002: 61) fitnah ditakrifkan sebagai penerbitan sesuatu kenyataan yang mencerminkan reputasi seseorang dan berkecenderungan untuk merendahkan seseorang pada pandangan anggota masyarakat yang berfikirannya waras pada amnya atau membuat pihak tersebut mengasingkan atau mengelakkan diri daripada pihak yang difitnah. Menurut Menurut Aiza Maslan @ Baharudin (2000: 65) pula, fitnah merupakan satu usaha mengadakan sesuatu keburukan terhadap diri orang lain tanpa bukti yang kukuh atau menokok tambah berita bertujuan untuk merosakkan nama baik seseorang itu. Islam menganggap bahawa ia merupakan faktor pemusnah terbesar yang boleh membawa huru-hara kepada masyarakat. Pengarang naskhah *Tuhfat al-Nafis* cuba menceritakan peristiwa yang berlaku di negeri Johor setelah opu-opu keluar dari negeri tersebut. Pada ketika itu, Sultan Abd al-Jalil adalah pemerintah, dan pada masa yang sama Raja Kecil turut berada di dalam negeri Johor setelah Raja Kecil berjaya menawan Johor. Difahami bahawa, daripada peristiwa sebelum ini, Raja Kecil turut mempunyai hak memerintah kerana baginda mendakwa dirinya anak kepada Sultan Mahmud yang dibunuh oleh Megat Seri Rama. Maka berlakulah, fitnah-fitnah dalam negeri tersebut yang menyatakan bahawa negeri Johor mempunyai dua orang raja sehingga timbulnya perbalahan seperti mana berikut:

Alkisah maka tersebut pula Sultan Abd al-Jalil di dalam Johor. Maka apabila sudah opu-opu itu keluar daripada Johor maka banyakkah fitnah-fitnah di dalam Johor kerana seolah-olahnya negeri satu beraja dualah. Maka berbelah-belahlah orang di dalam negeri itu. Ada yang kepada pihak Raja Kecil ada yang kepada pihak Sultan Abd al-Jalil. Mangkin menyalahkan fitnah daripada sehari kepada sehari, makin banyakkah fitnah besar, umpama api mangkin besarlah nyalanya, akhir-akhirnya tiada dapat dipadamkan lagi. Syahadan melaratlah api itu mengatakan Raja Kecil itu tiada tentu amat putera Marhum Mangkat di Julang, sebab tiga kaul yang telah lalu itu bersalahan. Maka sampailah khabar itu kepada Raja Kecil maka marahlah ia, akan tetapi masih disabarkannya lagi (Hooker 1991: 195).

Pengarang naskhah ini cuba menyampaikan mesej daripada peristiwa tersebut, apabila berlakunya penyebaran fitnah sehingga membawa kepada pengetahuan Raja Kecil. Fitnah yang dibawa itu adalah berkenaan diri baginda, dikatakan bukan anak putera Marhum Sultan Mahmud yang dibunuh oleh Megat Seri Rama. Hal ini menyebabkan Raja Kecil marah mendengar perkhhabaran tersebut, namun baginda masih mempunyai kesabaran yang tinggi. Tetapi, penyebaran fitnah tersebut telah menyebabkan Tengku Tengah bertambah benci kepada baginda kerana sebelum ini Tengku Tengah telah dipinang oleh Raja Kecil, namun Raja Kecil telah memutuskan pertunangan itu, kerana baginda lebih tertarik kepada Tengku Kamariah yang merupakan saudaranya sendiri seperti mana berikut:

Syahadan tiadalah beberapa lamanya antaranya maka Raja Kecil pun bertunanglah dengan putera Sultan Abd al-Jalil itu, bernama Tengku Tengah. Di dalam pada hal itu pada ketika hari raya maka datanglah Sultan Al-Jalil putera-berputera mengunjungi Raja Kecil. Maka puteranya seorang perempuan yang bernama Tengku Kamariah, dibawanya bersama-sama. Maka terpandanglah Raja Kecil itu akan paras Tengku Kamariah itu, berahilah ia pula. Maka Sultan Abd al-Jalil balik, lalu dipintanya pula Tengku Kamariah itu, tiadalah jadi dengan Tengku Tengah itu (Hooker 1991: 189).

Kesan lama daripada peristiwa ini yang tersimpan dalam diri Tengku Tengah dan ditambah pula dengan penyebaran fitnah tentang Raja Kecil bukan anak kepada Sultan Mahmud menyebabkan beliau bertindak melakukan satu keputusan yang kurang bijak. Tengku Tengah bertindak membawa lari saudara iaitu Tengku Kamariah tanpa pengetahuan Raja Kecil seperti mana di bawah:

Kemudian maka Tengku Tengah pula kurang suka akan Raja Kecil itu, sebab kerana perkhhabaran fitnah orang itu. Maka sampailah pula kepada Tengku Kamariah. Maka bencilah Tengku Kamariah itu akan Raja Kecil itu, maka tiada dipedulikannya amat Raja Kecil itu daripada makan minumannya. Maka di dalam hal itu pula maka berjalanlah Tengku Tengah itu ke istana Raja Kecil, lalu diambilnya Tengku Kamariah

itu, dibawanya balik ke rumahnya waktu Raja Kecil tengah sembahyang (Hooker 1991: 196).

Akibat tindakan Tengku Tengah yang membawa lari Tengku Kamariah tanpa pengetahuan Raja Kecil telah menyebabkan baginda murka, dan ingin mendapatkan kembali isteri baginda. Namun, Tengku Tengah enggan menyerahkan kepada baginda. Maka berlakulah peperangan antara Sultan Abd al-Jalil dengan Raja Kecil tersebut seperti mana petikan di bawah:

Maka Raja Kecil pun marahlah pula lalu disuruhnya ambil isterinya itu, maka tiada diberinya pula oleh Tengku Tengah. Maka jadi perkelahianlah, maka Raja Kecil pun pergi melanggar Sultan Abd al-Jalil. Maka Sultan Abd al-Jalil pun membuat kubu di Seluyut, maka berperanglah Minangkabau dengan Johor semula pula. Maka tiada berapa antaranya berperang itu, maka alahlah kubu di Seluyut, diamuk oleh Raja Kecil itu. Maka berundurulah Sultan Abd al-Jalil itu ke Terengganu. Ada setengah anak raja-raja Johor itu pindah ke Melaka. (Hooker 1991: 196).

Pengarang menceritakan bahawa, akibat daripada penyebaran fitnah inilah, sesebuah kemelut dalam politik berlaku sehingga berakhir dengan peperangan antara dua pihak. Hal ini disokong dengan pandangan Aiza Maslan @ Baharudin (2000: 65) lagi bahawa fitnah boleh menimbulkan huru-hara dan pertumpahan darah yang berpanjangan, mengorbankan banyak nyawa, dan harta benda. Bukan itu sahaja, menurut Abd Aziz Bari (2006: 236) mangsa fitnah itu akan dibenci, dicela, dijauhi atau menyebabkan profesionnya juga turut tercemar. Pandangan ini selari dengan peristiwa dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis* ini, mangsa yang difitnah iaitu Raja Kecil telah dibenci oleh isterinya sendiri iaitu Tengku Kamariah. Hubungan suami isteri ini menjadi renggam, apabila Tengku Kamariah tidak lagi mempedulikan makan dan minum Raja Kecil. Malahan, fitnah ini juga telah menyebabkan berlaku keruntuhan hubungan kekeluargaan antara Raja Kecil dengan Sultan Abd Jalil kerana Sultan Abd Jalil ini bapa mertua kepada Raja Kecil.

KESIMPULAN

Oleh hal yang demikian, kemelut politik yang berlaku pada zaman kesultanan Melayu dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis* kerana wujudnya permasalahan dalaman. Dua jenis permasalahan dalaman iaitu melibatkan masalah pemerintah dengan pemerintah dan masalah pemerintah dengan rakyat. Kedua-dua permasalahan ini dibincangkan

melalui elemen keruntuhan akhlak pemerintah, perebutan kuasa pemerintahan, pelanggaran wasiat keturunan, perang saudara, dan penyebaran fitnah. Elemen-elemen ini merupakan suatu perkara yang dipandang remeh oleh sesetengah pihak, namun ianya membawa kepada kesan yang besar terutama dalam pentadbiran sesebuah kerajaan seperti mana yang telah dibincangkan. Kegagalan dan sikap pemerintah dengan rakyat dalam menangani masalah tersebut, akhirnya membawa kepada tercetusnya perbalahan dan berakhir dengan peperangan yang mendatangkan kerugian kepada semua pihak. Bahkan, kemelut yang berlaku dan sukar ditangani dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan akan memberi impak yang besar. Impak tersebut seperti sesebuah pemerintahan dan pentadbiran akan runtuh akibat daripada peperangan sehingga melibatkan campur tangan dari pihak yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Haji Abdul Latif. 1986. *Wasiat dalam Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz Al-Badri. 1988. *Islam Antara Ulama' dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alan R. Ball. 1993. *Politik dan Kerajaan Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari. 2006. *Perlembagaan Malaysia Asas-Asas dan Masalah: Fitnah Dari Sudut Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basir Alias. 2002. *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. Bangi: As Syabab Media.
- Aiza Maslan @ Baharudin. 2000. *Teori 'Umran Ibnu Khaldun: Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ali Ahmad. 2005. *Islam: Taman dan Semaian dalam kesusasteraan Melayu Tradisional: Tasawwur Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Aruna Gopinath. 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Kepimpinan Melayu Satu Rakaman Kewartawanan dalam Politik Kebudayaan Kebangsaan: Satu Perbincangan Awal*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Haron Daud. 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- K. Ramanathan. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Safar Hasim. 2002. *Mengenal undang-Undang Media dan Siber: Fitnah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Mohd. Isa Othman. 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusuf Ibrahim. 1994. *Pensejarahan Melayu 1800-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2009. *Imej Raja-Raja Melayu dalam Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Julai: 27-29.
- Noriah Taslim. 2013. *Sulalatus al-Salatin Sebagai Buku Tradisi: Wibawa dan Kemungkinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kertas Kerja: Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin.
- Siti Hajar Che Man. 2005. *Warisan Persuratan Islam dalam Sulalatus Salatin: Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2014. Bingkisan Hadiah Pencetus Hubungan Diplomatik Pada Zaman Kesultanan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal IMAN 2* (2): 91-103.
- Tun Suzana Tun Othman. 2002. *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang Pustaka*. Kuala Lumpur: BSM Enterprise.
- Virginia Matheson Hooker. 1991. *Tuhfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2008. *Senario Institusi Kesultanan Kedah. Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-Isu Politik & Sosioekonomi*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Amir Rullah Mohd Noor, M.A
Felo Penyelidik Siswazah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
Email: amirrullah.mnoor@gmail.com

Salmah Jan Noor Muhammad, Ph.D
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
Email: Salmahjan@upm.edu.my

Diserahkan: 4 Mac 2015
Diterima: 13 Ogos 2015